

Diusung dari tingkat lima sebab lif kerap rosak

**“Cerita anda
Cerita kami”**

Kongsi masalah dan cerita anda bersama Kosmo! Hubungi talian 03-9221 4001 atau e-mel ke berita@kosmo.com.my.

KUALA LUMPUR -Kira-kira 500 penduduk Flat Taman Megah Kepong, Sri Segambut dekat sini terpaksa menanggung sengsara gara-gara masalah lif yang kerap rosak di bangunan 12 tingkat itu.

Seorang wakil penduduk, A. Ponnampalam, 71, berkata, para penghuni pening kepala memikirkan dua buah lif yang disediakan tidak dapat berfungsi dengan baik hingga menjajaskan rutin penduduk.

“Sebuah lif selalu sangat rosak sementara sebuah lagi lif telah hampir 13 tahun tak dapat digunakan kerana perkakasan dalam lif tersebut telah dicuri,” katanya ketika ditemui Flat Taman Megah Kepong, Sri Segambut dekat sini semalam.

Apa yang dikesalkan Ponnampalam, aduan telah dikemukakan kepada



PONNAMPALAM menunjukkan lif yang rosak di Flat Megah Kepong, Segambut semalam.

pihak pengurusan namun laporan itu dipandang sepi.

“Kami sedih dengan respons sebegini. Bukan sahaja kami berdepan masalah lif malah kami kesal apabila tangga keselamatan di flat ini ditutup untuk kegunaan orang ramai. Pili bomba juga dilihat tidak diselenggara dengan baik,” katanya.

Kesan daripada itu, dakwanya, penghuni flat itu terpaksa menaiki tangga

untuk turun naik.

Seorang lagi penduduk yang berkongsi masalah sama, Daud Abdul Rahman, 59, mendakwa, dia pernah diusung dari tingkat lima oleh kakitangan ambulans apabila lif tidak berfungsi pada hari berkenaan.

“Saya sebenarnya penghidap kencing manis dan strok. Saya takut peristiwa itu berulang lagi,” ujarnya.

*** ADUAN TELAH DIDAFTARKAN DI SISTEM ADUAN BERSEPADU (SAB) UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.**